

02/10/2003

Telekom tunggu kelulusan runding ambil alih Jaring

Azli Ayob

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia) sudah membuat permohonan kepada Kementerian Kewangan bagi memulakan pengambilalihan Jaring oleh anak syarikatnya, TMNet Sdn Bhd (TMNet).

Sumber berkata, proses rundingan akan dimulakan sebaik saja kelulusan diperoleh dan beliau membayangkan kemungkinan Telekom Malaysia membeli kepentingan di dalam Jaring.

"Bagaimanapun sehingga ini kedua-dua pihak masih mencari formula terbaik bagi melaksanakan cadangan pengambilalihan berkenaan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Telekom Malaysia, Tan Sri Md Radzi Mansor, berkata proses rundingan penggabungan akan dimulakan apabila semua pihak bersedia.

"Prosesnya dijangka menggunakan formula sama seperti ketika penggabungan antara Celcom (Malaysia) Bhd (Celcom) dan TM Cellular Sdn Bhd (TM Cellular) baru-baru ini", katanya

TM Cellular ialah anak syarikat Telekom Malaysia yang menggabungkan perkhidmatan telekomunikasi selularnya dengan yang disediakan oleh Celcom.

Md Radzi yang diminta mengulas mengenai status cadangan penggabungan TMNet dan Jaring itu bagaimanapun enggan menjelaskan nilai pengambilalihan berkenaan.

Beliau ditemui selepas sesi pertama Mesyuarat Meja Bulat Korporat (CMR) Malaysia yang dianggotai pemimpin korporat tempatan di Menara Telekom Kuala Lumpur, semalam.

Penganalisis berkata, cadangan penggabungan dua penyedia perkhidmatan internet (ISP) Jaring dan TMNet itu akan memberikan manfaat besar kepada pengguna di negara ini.

Ini kerana penggabungan itu dijangka membolehkan Jaring dan TMNet muncul sebagai ISP terbesar yang dapat meraih kesan sinergi perkongsian prasarana.

Katanya, perkara itu seterusnya akan membolehkan kedua-dua entiti tergabung berkenaan memberikan perkhidmatan yang lebih cekap pada kos berdaya saing.

Cadangan penggabungan antara Jaring dan TMNet diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pembentangan Bajet 2004 baru-baru ini.

Menurut Dr Mahathir, cadangan penggabungan itu antara lain bertujuan memastikan mutu perkhidmatan internet di negara ini dapat ditingkatkan serta menjadi lebih cekap.

Kelmarin, TMNet mengumumkan akan menurunkan kadar bagi perkhidmatan internet jalur lebarnya berkuat kuasa 1 November ini iaitu lebih awal dari tarikh yang dirancang.

TMNet berkata, kadar pakej jalur lebar akan diturunkan sehingga 30 peratus manakala pakej popular bagi pengguna akan menikmati pengurangan lebih besar.